




MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (No.Syarikat 201001019176(902884-V))

(Dahulu di kenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd)
(Syarikat Milik Menteri Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN PERMOHONAN MENGEMUKAKAN CADANGAN (RFP)

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V) ("MRT Corp") ialah sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro Malaysia, MRT Corp diamanahkan dengan pembangunan dan penyiapan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Deras Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, untuk menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp ingin mempelawa bakal Penender untuk mengambil bahagian didalam RFP di bawah ini bagi perkhidmatan seperti yang dinyatakan didalam jadual dibawah:

TAJUK RFP DAN NOMBOR RFP	SYARAT-SYARAT RFP	SESI TAKLIMAT RFP (KEHADIRAN ADALAH WAJIB BAGI YANG BERMINAT MENYERTA)	TARIKH PENYERAHAN DOKUMEN RFP
<p>PERMOHONAN UNTUK MENGEMUKAKAN CADANGAN (RFP) BAGI KERJA-KERJA PEMBERSIHAN TAPAK, TERMASUK MEMOTONG RUMPUT, PEMANGKASAN, DAN PENEANGAN POKOK TERPILIH DI KOMPLEKS KUARTERS PEKERJA BERPUSAT (CLQ), SERDANG</p> <p>(No. RFP.: SSP-MRTC-GENE-OVPR-RFP-00005)</p> <p><i>REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) FOR SITE CLEARING WORKS, INCLUDING GRASS CUTTING, TRIMMING, AND SELECTED TREE REMOVAL AT THE CENTRALISED LABOUR QUARTERS (CLQ) COMPLEX, SERDANG</i></p> <p>(No. RFP.: SSP-MRTC-GENE-OVPR-RFP-00005)</p>	<p>1) Syarikat/Pemohon mestilah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam perkhidmatan pembersihan</p> <p>DAN</p> <p>2) Memiliki sijil sah:</p> <p>a) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</p> <p>dan</p> <p>b) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred : G1 hingga G2.</p>	<p>Tarikh : 27 Ogos 2025 (Rabu) Masa : 10.00 pagi Lokasi : Pintu masuk CLQ Serdang, Laluan Putrajaya</p> <p>Untuk menyertai Taklimat RFP ini, semua Peserta dikehendaki membuat pra-pendaftaran secara atas talian yang boleh diperolehi di salah satu pautan dibawah atau melalui kod QR yang disediakan:-</p> <ol style="list-style-type: none">1. Laman Web MRT Corp www.mymrt.com.my ;2. https://forms.gle/BB1iFcvicDx915Q3A;3. Mengimbas Kod QR yang disediakan:  <p>Proses pra-pendaftaran akan bermula pada Khamis, 21 Ogos 2025 sehingga Selasa, 26 Ogos 2025. Wakil daripada setiap Pemohon yang hadir semasa Taklimat RFP adalah tidak melebihi dua (2) orang. Wakil-wakil dari pihak Pemohon yang berminat mestilah terdiri daripada kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang RFP dan kontrak untuk kerja yang dinyatakan, serta telah diberi kuasa oleh syarikat. Salah seorang wakil haruslah terdiri daripada berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Pengarah Urusan; atau2. Pengarah Projek; atau3. Pengarah Kontrak.	<p>Dokumen RFP hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari, Selasa, 9 September 2025</p>

Nota:

1. Dokumen RFP akan diberikan kepada Pemohon yang memenuhi syarat-syarat RFP tanpa sebarang bayaran melalui alamat e-mel yang didaftarkan.
2. Penyertaan melalui syarikat Usahasama/Konsortium adalah tidak dibenarkan.
3. Pemohon hanya dibenarkan untuk mengemukakan satu (1) penyertaan RFP sahaja.
4. MRT Corp. berhak untuk menolak serahan dokumen RFP daripada mana-mana Pemohon tanpa menyatakan sebarang sebab atau memaklumkan kepada Pemohon mengenai alasan penolakan atau menanggung sebarang liabiliti kepada PerRFP terhadap penolakan serahan dokumen RFP tersebut.
5. Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFP ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada procurement@mymrt.com.my. Pemohon boleh melayari laman web kami di www.mymrt.com.my untuk maklumat lanjut mengenai MRT Corp.